

ANALISIS MASALAH DAN KEPERLUAN GURU PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (MASALAH PEMBELAJARAN) PERINGKAT SEKOLAH RENDAH TENTANG PENDIDIKAN SEKSUALITI

**Shariza Said, Loh Sau Cheong, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Yusni Mohamad Yusop,
Mohd Ibrahim K. Azeez, & Ng Poi Ni**

Universiti Malaya

ABSTRAK

Pendidikan seksualiti ialah proses pengajaran formal untuk menyediakan kanak-kanak dan remaja dengan pemahaman yang objektif tentang seks sebagai suatu cara kelangsungan hidup dalam aspek biologi, psikologi dan sosial. Setiap manusia tanpa mengira tahap keupayaan kognitif termasuklah kanak-kanak bermasalah pembelajaran perlu mendapat maklumat tentang seksualiti. Namun begitu terdapat pelbagai masalah dalam pengajaran pendidikan seksualiti untuk golongan ini. Antaranya ialah kepelbagaiannya kefungsian dan kategori ketidakupayaan murid dalam satu bilik darjah yang menyebabkan cabaran berganda kepada guru. Selain itu tidak ada sukanan pelajaran pendidikan seksualiti yang khusus untuk golongan berkeperluan khas di Malaysia. Oleh yang demikian, artikel ini akan memperjelas tentang masalah dan keperluan guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan seksualiti menurut pandangan pakar-pakar melalui kaedah Fuzzy Delphi. Seramai 42 orang pakar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia terlibat sebagai sampel kajian. Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina berdasarkan kajian literatur dan temu bual ke atas lapan orang pakar. Data dianalisis menggunakan kaedah Fuzzy Delphi di mana skala likert ditukar kepada skala Fuzzy. Dapatkan kajian menunjukkan kesepakatan pakar bagi semua item dalam soal selidik dengan nilai *defuzzification* melebihi 0.5. Antara masalah yang dihadapi oleh guru ialah tiada kursus/latihan pengajaran Pendidikan Seksualiti yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Data juga menunjukkan kesepakatan pakar bahawa guru memerlukan modul pengajaran Pendidikan Seksualiti yang khusus untuk murid berkeperluan khas masalah pembelajaran sekolah rendah. Maka pihak-pihak yang terlibat dalam bidang Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan modul pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran.

Kata kunci: Pendidikan seksualiti, murid bermasalah pembelajaran, guru pendidikan khas integrasi, masalah tingkah laku seksual, kaedah Fuzzy Delphi

ABSTRACT

Sexuality Education is defined as a formal teaching process to provide children and young individuals with an understanding of sex as a means of survival in the biological, psychological, and social aspects. Every living human being, including children with learning disabilities, regardless their level of cognitive ability are entitled access to information about sexuality. However there are obstacles in teaching sexuality to this group. There are diverse levels of functionality and categories of students in a classroom that creates many challenges to the teachers. In addition, there is no sexuality education curriculum specifically designed for children with learning disabilities in Malaysia. Therefore this paper will clarify the problems and the needs of teachers in teaching sexuality education. The study approach was to get the information through questionnaires from a panel of experts through the Fuzzy Delphi method. 42 experts from Ministry of Education and Ministry of Health were selected as the respondent. The instrument used was a questionnaire constructed by literature review and interviews on eight experts. Data were analyzed using Fuzzy Delphi method. The Likert scale was converted to Fuzzy scale. The findings revealed that the experts reached consensus for all the items in the questionnaire with the defuzzification value 0.5 and above. The findings revealed that among the problems faced by the teachers was that up till now there are no courses nor trainings on sexuality education specifically for children with learning disabilities in primary schools. The data also indicated that the experts had reached the consensus that teachers need a teaching module on sexuality education specifically designed for children with learning disabilities. The findings therefore suggests that all personnel involved in the field of education for children with learning disabilities should take the initiative to provide sexuality education modules specifically suited for these children.

Keywords: sexuality education, students with learning disabilities, special education integration teacher, sexual behavioral problems, Fuzzy Delphi method

PENGENALAN

Kualiti pendidikan seksualiti bergantung kepada pengajaran guru. Namun begitu sebagaimana diperbincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas, didapati guru-guru sekolah rendah tidak berjaya menyampaikan pendidikan seksualiti dengan berkesan (Goldman & Coleman, 2013). Walhal pendidikan seksualiti yang berkualiti akan dapat membantu kanak-kanak memahami perkembangan seksual yang berlaku pada diri mereka serta dapat mengelakkan risiko penganiayaan seksual. Walaupun menyedari kepentingan maklumat seksualiti, namun masih timbul masalah dalam penyampaian pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Perkataan seks selalunya dikaitkan dengan hubungan kelamin, kehamilan, keseronokan dan dianggap sebagai kotor menyebabkannya menjadi perkara yang taboo (Sabah, Boujemaa, Salah-Eddine, Taoufik & Dominique, 2010). Natijahnya masyarakat akan mengelak untuk berbincang mengenai hal ini termasuklah guru-guru apatah lagi bila melibatkan kaka-kanak bermasalah pembelajaran. Selain itu, antara halangan kepada pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak ini ialah kurangnya latihan kepada pendidik dan penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut jenis ketidakupayaan mereka (Boehning, 2009). Guru-guru didapati kurang yakin untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kerana kurang pengetahuan dan kemahiran (Goldman & Coleman, 2013). Maka disebabkan permasalahan-permasalahan ini kajian ini akan meneroka apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dan apakah yang mereka perlukan untuk melaksanakan pendidikan seksualiti.

Penyataan Masalah

Guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) masalah pembelajaran di Malaysia mendidik kanak-kanak bermasalah pembelajaran yang terdiri daripada pelbagai kategori ketidakupayaan. Murid-murid ini terdiri daripada kategori Sindrom Down, autisme, palsi serebral, hiperaktif (ADHD), terencat akal, lewat perkembangan (Global Developmental Delay) dan lain-lain lagi. Murid-murid dari pelbagai kategori ini ditempatkan dalam satu bilik darjah. Berdasarkan kepada kepelbagaiannya jenis ketidakupayaan dan pelbagai tahap kognitif murid, guru perlu mahir dalam menyediakan kaedah pengajaran yang efektif kepada mereka. Maka sudah tentu cabaran berganda dihadapi oleh guru dalam menerapkan pendidikan seksualiti.

Fenomena kanak-kanak bertingkah laku seksual yang tidak sesuai ini berpunca dari ketidakmampuan kognitif kanak-kanak dalam memahami aspek-aspek perkembangan seksualiti (Lindsay & Taylor, 2005). Kanak-kanak ini tidak dapat membezakan perlakuan mana yang betul atau salah akibat keterbatasan kognitif mereka. Jadi para guru perlu mempunyai pengetahuan tentang pendidikan seksualiti dan berkemahiran menyampaikan pendidikan seksualiti dengan berkesan kepada kanak-kanak. Meskipun terdapat elemen-elemen pendidikan seksualiti dalam kurikulum sedia ada namun tidak ada suatu garis panduan yang jelas kepada guru-guru tentang cara penyampaian maklumat itu (Ang & Lee, 2013). Maka ini menyebabkan guru-guru kurang pengetahuan dan kemahiran dalam menyampaikan pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Justeru, suatu kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti masalah dan keperluan guru bagi mendapatkan input yang kemudiannya dapat digunakan untuk pembinaan modul latihan pendidikan seksualiti kepada guru.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai masalah dan keperluan guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran peringkat sekolah rendah di Malaysia tentang pendidikan seksualiti.

Objektif kajian

Objektif khusus kajian ini ialah untuk mengenal pasti;

1. Masalah yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan penerapan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran.
2. Keperluan guru-guru untuk melaksanakan penerapan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran.

Soalan kajian

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan penerapan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran menurut pandangan pakar?
2. Apakah keperluan guru-guru untuk melaksanakan penerapan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran menurut pandangan pakar?

TINJAUAN LITERATUR

Pendidikan Seksualiti

Pendidikan seksualiti adalah satu program pengajaran rasmi untuk menyediakan kanak-kanak dan remaja dengan pemahaman yang objektif tentang seksualiti sebagai suatu cara kelangsungan hidup dalam aspek biologi, psikologi, dan sosial (Sabah, Boujema, Salah-Eddine, Taoufik & Dominique, 2010). Dengan kata lain pendidikan seksualiti adalah proses memperolehi maklumat serta membentuk sikap dan kepercayaan tentang seksualiti untuk mengurangkan risiko negatif akibat dari tingkah laku seksual. Namun begitu perkataan seks selalunya dikaitkan dengan hubungan kelamin, kehamilan, keseronokan dan dianggap sebagai kotor menyebabkannya menjadi perkara yang taboo.

Hal yang sedemikian sebenarnya bertentangan dengan maksud pendidikan seksualiti yang diutarakan oleh sarjana Islam. Pendidikan seksualiti adalah proses memberi pengajaran, kesedaran dan penerangan tentang masalah-masalah seksual kepada anak bermula dari masa anak tersebut memahami tentang masalah berkenaan seks, naluri perkahwinan sehingga mereka dewasa serta dapat memahami urusan kehidupan serta memahami persoalan-persoalan yang dihalalkan dan yang diharamkan dalam Islam (Abdullah Nasih Ulwan, 2002). Perkataan seks dianggap sebagai perkataan yang kotor atau taboo walhal dalam agama Islam jelas menunjukkan kepentingan pendidikan seks diberikan kepada penganutnya (Athar, 2006). Pelbagai aspek pengajaran berkaitan seks terdapat dalam kitab al-Quran yang menjadi pedoman utama umat Islam di mana aspek-aspek seksual dibincangkan dalam 65 surah seperti berkaitan reproduktif, kekeluargaan, kitaran haid, hubungan seks dan lain-lain lagi (Siti Suhaila, Isa, Ab. Halim, Zahiah, Mustapha Kamal & Zetty Nurzuliana, 2011). Kesimpulannya pendidikan seksualiti merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia. Pengetahuan tentang seksualiti dapat mengelakkan masalah salah laku seksual.

Masalah Salah Laku Seksual

Peningkatan jenayah seksual di Malaysia dapat dilihat sejak sedekad yang lalu. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia pada tahun 2010 terdapat 3595 kes rogol yang dilaporkan di mana seramai 2658 orang (73%) mangsa rogol terdiri daripada gadis berumur bawah 18 tahun. Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia, kanak-kanak seawal umur enam tahun telah menjadi mangsa sumbang muhrim. Manakala statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2012 sebanyak 963 orang kanak-kanak memerlukan perlindungan akibat penderaan di bawah Seksyen 17(1) a dan b iaitu berkaitan kes seksual (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012). Laporan tersebut mendedahkan bahawa golongan penderaan yang paling ramai ialah orang yang dikenali mangsa iaitu bapa (725 orang) dan kekasih kanak-kanak (523 orang). Selain dari masalah penganiayaan seksual didapati masalah salah laku seksual oleh ramaja juga semakin meruncing. Masalah salah laku seksual remaja sepertimana dilaporkan oleh Lee, Chen, Lee dan Kaur (2006) agak membimbangkan. Kajian mereka ke atas 4500 pelajar sekolah menengah di Malaysia menunjukkan 5.4 peratus (243 orang) daripada responden kajian pernah melakukan hubungan seks. Selain itu kes pembuangan bayi juga semakin bertambah dari hari ke hari. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada 2005, 83 kes (2006) yang menurun kepada 65 kes pada 2007, 102 kes (2008), 79 kes (2009), 91 kes (2010) dan 2011 sahaja terdapat 98 kes pembuangan bayi yang dilaporkan (Polis Diraja Malaysia, 2012).

Meskipun masalah-masalah salah laku seksual yang dibincangkan itu melibatkan golongan normal, namun begitu masalah tingkah laku seksual juga berlaku dalam kalangan individu bermasalah pembelajaran. Hal ini turut diperbincangkan oleh beberapa pengkaji seperti Fyson (2009) yang mendapati lebih 50% kanak-kanak berusia bawah 13 tahun menunjukkan masalah salah laku seksual yang tidak sepatutnya. Perkara ini turut dibahaskan oleh beberapa pengkaji tempatan di mana mereka mendapati masalah tingkah laku seksual berlaku dalam kelompok murid bermasalah pembelajaran (Zuria & Norshidah, 2004). Dapatkan kajian selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Siti Nabilah, Mohd Hanafi dan Mohd Mokhtar (2010) ke atas tingkah laku seksual dalam kalangan murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. Antara masalah salah laku seksual yang ditunjukkan oleh murid-murid ini ialah menyebut perkataan lucah, menunjukkan simbol lucah, meraba rakan, suka duduk rapat-rapat dengan rakan berlainan jantina, mengajak rakan atau guru berbual tentang perkara lucah dan suka melihat rakan berlainan jantina.

Sebagaimana diperincangkan oleh pengkaji terdahulu, terdapat perhubungan yang positif antara tahap pengetahuan guru dengan tahap keselesaan guru untuk mengajar pendidikan seksualiti kepada golongan berkeperluan khas (Howard-Barr, Pigg & James, 2005). Justeru, penting untuk mengambil kira apakah masalah dan keperluan mereka apabila menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran. Input ini dapat memberikan maklumat untuk penyediaan program latihan pendidikan seksualiti yang berkesan untuk mereka. Maka satu kajian perlu dilaksanakan untuk mendapatkan input tentang masalah dan keperluan guru-guru yang mengajar kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang mengaplikasikan teknik Fuzzy Delphi untuk menganalisis data yang diperoleh melalui soal selidik berstruktur. Kaedah Delphi yang diperkenalkan sejak tahun 1950an mempunyai kelebihan dalam memberi keputusan yang lebih tepat bagi maklumat keputusan kumpulan berbanding lain-lain teknik seperti kumpulan fokus dan teknik kumpulan nominal (Worrell, Di Gangi & Bush, 2012) . Senario 30 tahun terkini menunjukkan pelbagai pendekatan baharu dalam penggunaan kaedah Delphi.

Tidak dinafikan kaedah Delphi adalah kaedah terbaik untuk mendapat persetujuan pakar bagi mengenalpasti sesuatu isu, namun terdapat dua kelemahan dalam kaedah Delphi. Kelemahan kaedah Delphi ialah kesukaran untuk mendapatkan tahap persetujuan pakar-pakar di mana proses mendapatkan persetujuan ini akan berulang-ulang. Ini bukan sahaja melibatkan penggunaan masa yang panjang malahan kos juga meningkat (Liu, 2013). Kelemahan yang kedua adalah keputusan yang dibuat oleh pakar bergantung kepada kompetensi individu dan sangat subjektif (Bojadziev & Bojadziev, 2007).

Bagi mengatasi masalah ini, kaedah Fuzzy Delphi akan diaplikasikan untuk mengenalpasti masalah dan keperluan guru pendidikan khas masalah pembelajaran mengikut susunan keutamaan. Teknik Fuzzy Delphi dapat menunjukkan keutamaan dan kedudukan sesuatu elemen berdasarkan kesepakatan pakar. Selain itu pembinaan soal selidik dalam kaedah ini adalah berdasarkan sorotan literatur yang telah disahkan oleh pakar. Satu lagi kelebihan Fuzzy Delphi berbanding Delphi ialah data yang tepat serta padat diperolehi dengan hanya satu pusingan (Chang, Hsu & Chang, 2011). Kajian ini memfokuskan kepada masalah dan keperluan guru tentang pendidikan seksualiti. Masalah dan keperluan guru dianalisis berdasarkan kesepakatan panel pakar daripada pelbagai Kementerian termasuklah guru-guru PPKI yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 15 tahun.

Persampelan

Sampel kajian ini ialah pakar-pakar yang terdiri daripada pelbagai kementerian yang terlibat dengan kanak-kanak berkeperluan khas masalah pembelajaran. Lapan orang pakar iaitu seorang daripada Bahagian Pendidikan Khas, seorang daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum, seorang daripada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan lima orang pensyarah Institut Pendidikan Guru ditemui bual bagi mendapatkan input untuk membina soal selidik. Seterusnya seramai 42 orang pakar yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dipilih sebagai panel pakar untuk menjawab soal selidik. Pakar-pakar ini juga bertugas di pelbagai negeri di Malaysia. Maklumat panel pakar yang terlibat dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Panel pakar Fuzzy Delphi

Negeri	Jantina		Kementerian	Bidang kepakaran
	L	P		
Perlis		2	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
Kedah	2	2	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
Pulau Pinang		1	Institut Pendidikan Guru	Pendidikan Kesihatan
Perak	1	1	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
Selangor	4	7	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
Kelantan	1	1	Kementerian Kesihatan Malaysia	Pediatrik
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2	3	Institut Pendidikan Guru	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
	2	3	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
Terengganu		2	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Pahang	1	2	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pendidikan Khas
Putrajaya		1	Kementerian Kesihatan Malaysia	Masalah Pembelajaran
	1	2	Bahagian Pendidikan Khas, KPM	Kesihatan awam/Kesihatan Keluarga/ OKU
		1	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
N = 42	15	27		Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Instrumen Kajian

Soal selidik berstruktur dibina berdasarkan literatur terpilih dan temu bual dengan lapan orang pakar. Protokol temu bual disediakan oleh pengkaji dan disahkan tiga orang pakar. Penambahbaikan dilakukan setelah semakan dibuat. Soalan temu bual adalah tentang masalah dan keperluan guru PPKI dalam menyampaikan pendidikan seksualiti. Protokol temu bual telah disemak oleh tiga orang pakar dan penambahbaikan dilakukan sebelum temu bual dijalankan.

Soal selidik pula terdiri dari dua bahagian iaitu Bahagian A tentang masalah guru-guru untuk menerapkan pendidikan seksualiti dan Bahagian B tentang keperluan guru-guru untuk mengajar pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran. Soal selidik ini menggunakan skala likert lima pilihan jawapan iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3-agak setuju, 4- setuju dan 5- sangat setuju. Soal selidik telah disahkan oleh empat orang pakar. Kebolehpercayaan bagi soal selidik diperoleh melalui kajian rintis ke atas 30 orang sampel. Nilai alpha Cronbach bagi Bahagian A ialah 0.91 dan 0.9 bagi Bahagian B.


Prosedur Kajian

Pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar dan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya surat lantikan panel pakar Fuzzy Delphi diberikan kepada pakar-pakar yang bersetuju terlibat dengan kajian ini. Pengkaji menemu bual lapan orang pakar bagi mendapatkan input tentang masalah dan keperluan guru dalam menerapkan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran. Kemudian data temu bual berstruktur ini dibuat transkripsi secara manual. Analisis data tersebut digunakan untuk membina soal selidik.

Soal selidik ini disahkan oleh empat orang pakar dan pengkaji membuat penambahbaikan berdasarkan pandangan pakar-pakar tersebut. Soal selidik kemudiannya diedarkan kepada 42 orang pakar dari pelbagai bidang kepakaran dan pelbagai kementerian. Panel pakar diberikan masa selama dua minggu untuk melengkapkan soal selidik yang diberikan. Data dianalisis menggunakan teknik Fuzzy Delphi yang bertujuan mendapatkan konsensus pakar bagi semua item yang terdapat dalam soal selidik.

Analisa Data

Langkah pertama ialah mendapatkan data daripada panel pakar melalui temu bual berstruktur. Seterusnya transkripsi dibuat dan analisis temu bual dilakukan secara manual untuk membina soal selidik. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 5 skala iaitu (1) sangat tidak setuju; (2) tidak setuju; (3) agak setuju; (4) setuju dan (5) sangat setuju . Seterusnya skala ini ditukar kepada nombor fuzzy triangular. Nombor triangular fuzzy terdiri daripada 3 nilai (m_1, m_2, m_3) iaitu ; m_1 - nilai paling minimum, m_2 - nilai paling munasabah, dan m_3 - nilai paling maksimum seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Nombor triangular Fuzzy

Nombor triangular fuzzy digunakan untuk menghasilkan skala fuzzy (sama seperti *skala Likert*). Skala fuzzy digunakan untuk menterjemahkan pemboleh ubah linguistik kepada nombor *fuzzy*. Bilangan aras persetujuan/tahap bagi skala fuzzy ini mestilah di dalam bilangan ganjil. Dalam langkah ini pengkaji menukar kesemua pemboleh ubah kepada nombor *triangular Fuzzy* seperti berikut:

Jadual 2. Skala nombor Fuzzy

Tahap	Skala Likert	Skala Fuzzy	
Sangat setuju	5	0.60	0.80
Setuju	4	0.40	0.60
Agak setuju	3	0.20	0.40
Tidak setuju	2	0.00	0.20
Sangat tidak setuju	1	0.00	0.00

Langkah kedua ialah proses *defuzzification* bertujuan untuk menentukan kedudukan (*ranking*) bagi setiap pemboleh ubah/sub-pemboleh ubah. Terdapat tiga rumus yang boleh diaplikasikan. iaitu;

$$A = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$$

$$A = 1/4 * (m_1 + 2m_2 + m_3)$$

$$A = 1/6 * (m_1 + 4m_2 + m_3)$$

Nilai yang diambil kira ialah nilai α -cut iaitu nilai median bagi ‘0’ dan ‘1’, di mana α -cut = $(0+1)/2 = 0.5$. Sekiranya nilai A terhasil kurang dari nilai α -cut = 0.5, item akan ditolak. Nilai α -cut yang kurang dari 0.5 menunjukkan kesepakatan pakar menolak item tersebut dan sebaliknya yang melebihi 0.5 diterima (Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006).

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya semua item dalam soal selidik mendapat kesepakatan pakar dengan nilai *defuzzification* melebihi 0.5. Ini menunjukkan bahawa semua item diterima. Huraian mengenai dapatan kajian tentang masalah guru tentang pendidikan seksualiti ditunjukkan dalam Jadual 3. Jadual 4 pula menjelaskan tentang keperluan guru terhadap pendidikan seksualiti.

Jadual 3. Masalah guru tentang pendidikan seksualiti

No. item	Masalah guru tentang pendidikan seksualiti (P.S)	Nilai <i>defuzzification</i>	Ranking
1	Tiada sukanan pelajaran P.S yang khusus dalam kurikulum sedia ada.	0.72	3
2	Tiada modul pengajaran P.S yang khusus untuk murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran sekolah rendah.	0.71	4
3	Tiada Kursus/Latihan pengajaran P.S yang khusus untuk murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran sekolah rendah.	0.74	1
4	Kekurangan bahan/sumber pengajaran P.S untuk murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran sekolah rendah.	0.73	2

Jadual 3 menunjukkan kesepakatan pakar bagi semua item tentang masalah dihadapi oleh guru pada nilai *defuzzification* melebihi 0.5. Jadi semua item-item ini diterima sebagai masalah yang dihadapi oleh guru. Item 3 iaitu tidak ada kursus/latihan pengajaran pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah mendapat kesepakatan yang paling tinggi iaitu nilai *defuzzification* ialah 0.74. Item yang kedua tinggi mendapat kesepakatan ialah masalah kekurangan bahan/sumber pengajaran pendidikan seksualiti untuk murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran pada nilai *defuzzification* 0.73.

Jadual 4. Keperluan guru terhadap modul latihan pendidikan seksualiti

No. item	Keperluan guru terhadap pendidikan seksualiti (P.S)	Nilai defuzzification	Ranking
1	Sukatan pelajaran P.S yang khusus diterapkan dalam kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pendidikan khas masalah pembelajaran sekolah rendah yang sedia ada.	0.66	4
2	P.S dijadikan satu mata pelajaran khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah.	0.56	5
3	Modul pengajaran P.S yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah.	0.68	1
4	Kursus/Latihan pengajaran P.S yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah.	0.67	3
5	Bahan/sumber pengajaran P.S untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah.	0.68	1

Semua item dalam Jadual 4 menunjukkan nilai *defuzzification* melebihi 0.5 iaitu semua item diterima . Item 3 iaitu modul pengajaran pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid ber masalah pembelajaran sekolah rendah menunjukkan ranking paling tinggi. Begitu juga dengan item 5 iaitu bahan/sumber pengajaran. Item 2 iaitu pendidikan seksualiti dijadikan satu mata pelajaran khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah mendapat nilai *defuzzification* yang rendah iaitu 0.56.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keselarian antara masalah dan keperluan guru pendidikan khas masalah pembelajaran. Masalah utama guru-guru dalam kajian ini menurut pakar ialah tiada kursus/latihan pengajaran pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid berkeperluan khas masalah pembelajaran sekolah rendah. Masalah kedua ialah kekurangan bahan/sumber pengajaran pendidikan seksualiti untuk murid bermasalah pembelajaran. Manakala analisis data tentang keperluan pula menunjukkan guru-guru memerlukan modul pengajaran pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sekolah rendah diikuti bahan/sumber pengajaran. Oleh yang demikian, melalui kajian ini adalah jelas bahawa terdapat kelompongan dalam pendidikan seksualiti untuk murid bermasalah pembelajaran.

Sebagaimana yang diperdebatkan oleh pengkaji terdahulu jelas bahawa terdapat beberapa perkara yang menghalang penyampaian pendidikan seksualiti kepada golongan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Antaranya ialah isu berkaitan seks masih menjadi taboo dalam kalangan masyarakat. Para ibu bapa cuba mengelakkan dari berbincang tentang isu ini dan menyerahkan tanggungjawab pendidikan seksualiti kepada guru-guru (Kay, Jones, dan Jantaraweragul, 2009). Namun begitu golongan guru juga menghadapi masalah dalam menyampaikan pendidikan seksualiti. Antara kajian berkaitan ialah kajian di Korea yang menunjukkan masalah dalam pendidikan seksualiti ialah kesukaran memilih terminologi yang sesuai, kurangnya penglibatan ibu bapa, kesukaran mengawal tingkah laku seksual murid dan kurangnya program atau kurikulum yang sesuai dengan murid.

Selain itu kekurangan pusat latihan yang menawarkan kursus pendidikan seksualiti dan program pembangunan profesional yang terhad juga menjadi halangan kepada pendidikan seksualiti yang berkesan (Kim & Kim, 2010). Dapatan kajian temu bual memberi petunjuk bahawa guru pendidikan khas masalah pembelajaran berasa terbeban untuk menyampaikan pendidikan seksualiti di samping kesukaran mendapatkan kurikulum dan latihan tentang pendidikan seksualiti. Howard-Barr et. al, (2005) mengenal pasti punca-punca kurangnya keberkesaan pendidikan seksualiti ialah kurang latihan dan sumber atau bahan pengajaran yang sesuai.

Guru-guru di Malaysia keberatan untuk mengajar pendidikan seks dengan alasan kurang pemahaman, tidak ada kemahiran dan malu untuk berbicara tentang hal-hal seks (Amir Hasan, 2007). Kontroversi ini boleh dikaitkan dengan budaya masyarakat yang melihat isu seks sebagai isu yang taboo. Menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Shariza (2008) menunjukkan kebanyakan guru kurang bersedia melaksanakan pendidikan seks kepada murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Kajian ke atas 120 orang guru menunjukkan kebanyakan guru iaitu 65.8 peratus kurang bersedia, 17.5 peratus bersedia dan 16.7 peratus tidak bersedia. Hal ini menyebabkan pendidikan seksualiti tidak dapat disampaikan dengan berkesan kepada murid bermasalah pembelajaran.

Walhal kajian-kajian lepas jelas menunjukkan kanak-kanak ini berisiko tinggi dalam kes penganiayaan seksual (Skarbek, 2009). Bukan itu sahaja malahan kanak-kanak ini juga didapati terlibat sebagai pesalah seksual (Murphy & Elias, 2006). Selain itu kanak-kanak ini juga sering menunjukkan masalah tingkah laku seksual yang tidak sesuai di depan khalayak ramai (Fyson, 2009). Tingkah laku ini dilakukan tanpa mereka menyedari bahawa tingkah laku tersebut adalah salah.

Maka jelaslah bahawa pendidikan seksualiti yang berkesan perlu disampaikan oleh guru-guru sekolah rendah bagi menghindarkan masalah ini berlarutan ke peringkat menengah pula. Richards, Miodrag dan Watson (2006) merumuskan bahawa halangan utama kepada kesihatan seksual ialah nilai sosial yang menghindarkan perkembangan seksualiti yang positif. Maka seharusnya bakal pendidik yang akan menyampaikan pendidikan seksualiti perlu diberikan latihan agar tahap pengetahuan dan kemahiran tentang pendidikan seksualiti meningkat serta memupuk sikap positif terhadap pendidikan seksualiti.

Implikasi Kajian

Polemik tentang pendidikan seksualiti dikenal pasti sejak tahun 1980an lagi di mana pelbagai isu berkaitan pendidikan seksualiti menjadi isu hangat yang diperdebatkan di Malaysia. Pendidikan seksualiti di Malaysia dijalankan secara merentas kurikulum dalam beberapa subjek. Namun begitu sejak tahun 2011 subjek ini telah dijadikan pengajaran formal dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang dikenali sebagai Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS). Mata pelajaran ini diperkenalkan kepada murid dalam sistem persekolahan arus perdana sahaja.

Berdasarkan tinjauan pengkaji didapati sehingga kini masih belum ada sukanan pelajaran berkaitan pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid bermasalah pembelajaran. Walhal murid-murid ini juga mengalami perkembangan seksual dan menghadapi masalah berkaitan aspek seksualiti. Maka mereka juga perlu diberikan maklumat berkaitan seksualiti bagi mengelakkan salah laku seksual serta dapat mengelakkan masalah penganiayaan seksual.

Sebagaimana yang telah dibincangkan, didapati masalah utama guru-guru untuk menerapkan pendidikan seksualiti ialah tiada kursus/latihan dan kekurangan bahan sumber pengajaran. Selain itu guru-guru juga menghadapi masalah untuk menerapkan pendidikan seksualiti kerana tiada sukanan pelajaran yang khusus dalam kurikulum sedia ada. Maka sudah tiba masa pihak yang terlibat dengan golongan murid bermasalah pembelajaran untuk menyediakan modul latihan dan bahan sumber pengajaran yang khusus dan sesuai untuk mereka. Panduan penerapan pendidikan seksualiti secara merentas kurikulum perlu diberikan kepada para guru agar pelaksanaan pengajaran lebih tersusun dan berkesan.

KESIMPULAN

Guru-guru menghadapi masalah dalam menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid-murid bermasalah pembelajaran. Maka kaedah terbaik untuk memastikan program pendidikan seksualiti berlangsung dengan berkesan adalah dengan memberikan latihan yang efektif dan terancang kepada para pendidik. Apatah lagi bagi guru pendidikan khas yang menghadapi pelbagai cabaran dalam mendidik kanak-kanak yang mengalami pelbagai ketidakupayaan. Kajian-kajian luar negara seperti kajian oleh Howard-Barr et. al, (2005) dan Kim & Kim (2010) telah mengenal pasti punca-punca kurangnya keberkesanan pendidikan seksualiti ialah kurang latihan dan kurang sumber atau bahan pengajaran yang sesuai.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang wujud dalam penyampaian pendidikan seksualiti, dapat dirumuskan bahawa keperluan guru terhadap latihan pendidikan seksualiti adalah sangat penting. Latihan intensif merangkumi pemilihan topik atau isi kandungan pendidikan seksualiti merentas kurikulum perlu ditekankan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru. Guru-guru perlu didekah dengan kaedah penyampaian maklumat pendidikan seksualiti yang berkesan dengan mengambil kira aspek penggunaan bahasa dan juga penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap murid.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan, (2002). *Pendidikan anak menurut Islam*. Edisi 9, Jilid 2 (Terjemahan Syed Ahmad Semait). Pustaka Nasional Pte. Ltd.: Singapura.
- Amir Hasan Dawi. (2007). *Pendidikan seks: suatu perspektif sosial*. Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
- Ang Chai Tin & Lee Lay Wah (2013). Pendidikan Seksualiti dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran di sekolah menengah: Cabaran dan kepentingan. *Jurnal Bitara Pendidikan UPSI*, 6.

- Athar, S. (2006). *Sex education ;An Islamic perspective*. Masterpiece Publication Sdn Bhd. Selangor.
- Boehning, A. (2009). Sex education for students with disabilities. *Law & disorder*. Issue 1 January, 59-66.
- Bojadziev, G. & Bojadziev, M. (2007). *Fuzzy Set For Business, Finance and Management*. Singapore. World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number, *Fuzzy Sets and Systems*, 157 (7), 879 – 891.
- Chang, P.L., Hsu, C.W. & Chang, P.C. (2011). Fuzzy Delphi method for evaluating hydrogen production technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*.36(21), 14172 – 14179.
- Fyson, R. (2009). Sexually inappropriate or abusive behavior among pupils in special schools. *British Journal of Special Education*. 36(2), 86-94.
- Goldman, J. G. D & S. J. Coleman (2013). Primary school puberty/sexuality education: student-teachers' past learning, present profesional education, and intention to teach these subjects. *Sex Education*, 13(3),276-290.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2012). *Buku statistik 2012*. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dipetik pada 14 Oktober 2014.
- Kay, N. S. , Jones, M. R. & Jantaraweragul, S. (2009). Teaching sex education in Thailand. *Journal of research* . 5 (2), 10-16.
- Lee, L. K., Chen, P.C.Y., Lee, K.K., Kaur, J. (2006). Premarital sexual intercourse among adolescents in Malaysia: a cross-sectional Malaysian school survey. *Singapore Med J* ; 47(6), 476.
- Lindsay, W., R., & Taylor, S., J. (2005). Model Underpinning Treatment for Sex Offenders With Mild Intellectual Disability: Current Theories of Sex Offending. *Mental Retardation*, 43 (6), 428-441.
- Liu, W.K. (2013). Application of the Fuzzy Delphi Method and the Fuzzy Analytic Hierarchy Process for the Managerial Competence of Multinational Corporation Executives. *International Journal of e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*, 3(4), 313-317.
- Howard-Barr, E.M., Rienzo, B.A., Pigg, R.M. Jr & James, D. (2005). Teacher beliefs, professional preparation, and practices regarding exceptional students and sexuality education. *Journal Science Health*: 75(3),99-104.
- Kim, U.R and Kim, J.H., (2010). Perspectives of special ed. teachers' toward students with secondary mild intellectual dis. in Soul, Korea, *Journal of Intellectual Disabilities*, 12(4), 323-342.
- Murphy, N.A & Elias, E.R (2006). Sexuality of children and adolescents with developmental disabilities. *Pediatric*, 118 (1),398-423.
- Polis Diraja Malaysia. (2012). *Statistik kes jenayah seksual* . Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.
- Richards. D, Miodrag, N., & Watson, S. L. (2006). Sexuality and developmental disability: Obstacle to healthy sexuality throughout the lifespan. *Developmental Disabilities Bulletin*, 34, 137-155.
- Sabah, S., Boujema, A., Salah-Eddine,K., Taoufik,E. & Dominique, B. (2010). Sexuality education: Analysis of Moroccan teachers' and future teachers' conceptions. *US-China Education Review*, 7(8).
- Siti Nabilah Kasdi, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. (2010). Tingkah laku seksual dalam kalangan murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. *Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conferences: Isu-isu Pendidikan Khusus di Indonesia dan Malaysia Praktik terbaik dalam pendidikan untuk semua*.
- Siti Suhaila Ihwani, Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri, Zahiah Haris@Harith, Mustapha Kamal Ahmad Kassim & Zetty Nurzuliana Rashed. (2011). *The roles of Islamic education teachers in implementing sex education*. Masalah Pendidikan Edisi Khas, Fakulti Pendidikan , UM , Kuala Lumpur.
- Shariza Said. (2008). Pengetahuan, sikap dan kemahiran guru serta ibu bapa tentang pendidikan seks untuk remaja bermasalah pembelajaran di Selangor. *Disertasi Ijazah sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Skarbek, D., Hahn, K.,& Parrish, P.(2009).Stop sexual in special education: an ecological model of prevention and intervention strategies for sexual abuse in Seacial Education. *Sex Disability* (27), 155-164.
- Tang, C.W. and , Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university, Springer. *Higher Education* 60: 269-286.
- Worrell, J., L., Di Gangi, P., M. & Bush, A., (2012). Exploring the use of the Delphi method in accounting information systems research. *International Journal of Accounting Information Systems*. 14(3), 193–208.
- Zuria Mahmud & Norshidah Mohamad Salleh. (2004). Aspirasi ibu bapa, guru dan Para professional Terhadap Perkembangan Kanak-kanak Keperluan Khas: 523-544. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas*. Fakulti Pendidikan UKM: Bangi .